

Realiti Sosial Dalam Novel ‘Orang Kota Bharu’

Social Reality in the ‘Orang Kota Bharu’ Novel

Ros Anita Kartini Mohamed¹ & Nagesvari A/P Paramasivan²

¹Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia

²Universiti Sains Malaysia

Article progress

Accepted: 6 Jan 2020

Reviewed: 9 April 2020

Published: 31 Mei 2020

*Corresponding author:

Ros Anita Kartini, Institut
Alam dan Tamadun Melayu
(ATMA) Universiti
Kebangsaan Malaysia
Email:

ros_kartini@yahoo.com

Abstrak: Realiti sosial merupakan sesuatu yang benar-benar berlaku di dalam masyarakat. Hal ini lahir daripada perilaku manusia yang lahir dalam kehidupan sosialnya membentuk suatu tingkah laku sosial yang diterima oleh masyarakat menjadi sebuah realiti. Novel ‘Orang Kota Bharu’ oleh S. Othman Kelantan menjadi teks kajian bagi makalah ini. Pengarang membentangkan realiti sosial masyarakat Kelantan dari pelbagai aspek sosial, ekonomi dan politik melalui novel ini. Objektif penulisan makalah ini adalah untuk membentangkan pelbagai realiti sosial yang dihadirkan oleh S. Othman Kelantan seperti kemiskinan, pembunuhan, sabung ayam, perjudian, pelacuran, seks luar nikah, dan perempuan joget. Hal ini berpunca daripada kemiskinan dan kurangnya ilmu pengetahuan yang dimiliki masyarakat. Permasalahan kajian ialah sejauh mana realiti sosial yang dipaparkan oleh pengarang dalam karya kreatif berlaku dalam situasi kontemporari masyarakat di Kelantan. Kaedah analisis deskriptif yang dibawa oleh Peter Barry dalam teori humanisme liberal digunakan sebagai jambatan kaedah deskriptif bagi mengupas data yang tertulis dalam novel ‘Orang Kota Bharu’. Dapatan analisis teks kajian menunjukkan bahawa masih terdapat beberapa realiti sosial yang dipaparkan oleh pengarang berlaku hingga kini dalam kalangan masyarakat Kelantan. Analisis teks mendapati penampilan realiti sosial dalam novel ‘Orang Kota Bharu’ amat signifikan untuk dihubungkan dengan perjuangan humanisme liberal yang dapat memberi kesedaran kepada masyarakat kini bahawa, pembentukan dinamik sosial berlaku walau berbeza warna kulit, gender, bahasa, budaya dan kewarganegaraan

Katakunci: Realiti sosial, kontemporari, deskriptif, humanisme liberal

Abstract: Social reality is something that is happening in society. It is eventuating from human behavior into its social life and forms social behaviors that are accepted by society as a reality. The novel ‘Orang Kota Bharu’ by S. Othman Kelantan became the text of this study. The author presents the social realities of the Kelantanese people from various social, economic, and political aspects through this novel. The purpose of this paper is to present various social realities presented by S. Othman Kelantan such as poverty, crimes, cockfight, gambling, prostitution, pre-marital sex, and female dancers. This is due to poverty and the lack of knowledge that society has. The problem of the study is into which extent the social reality presented by the author in his creative work that takes place in the contemporary situation of the Kelantanese peoples. The descriptive analysis method brought by Peter Barry in liberal humanism theory is used as a bridge to descriptive methods for extracting data written in the novel ‘Orang Kota Bharu’. The findings of the text analysis show that there are still some social realities occurred to this day among the people of Kelantan. The text analysis found that that the appearance of social reality in the novel ‘Orang Kota Bharu’ is very significant in connection with the movement of liberal humanism which has given the social awareness about social formation, regardless of skin color, gender, language, culture, and nationality.

Keywords: Social Reality, Contemporary, Descriptive, Humanisme liberal

Pengenalan

Syed Othman bin Syed Omar al-Yahya atau lebih dikenali dengan S. Othman Kelantan tidak asing lagi namanya dalam dunia kesusasteraan Melayu Moden. Sumbangan yang banyak dalam penulisan novel, puisi, cerpen, esei kritikan dan meneroka persoalan yang mencakupi kemasyarakatan, politik, agama, dan falsafah menjadikan beliau dikenali, disanjung dan mendapat pengiktirafan pelbagai pihak. Beliau telah dinobatkan dengan beberapa anugerah seperti S.E.A Write Awards (1990), Pingat Bakti oleh DYMM Sultan Kelantan (1973), Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N) oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong (1974), dan Anugerah Tokoh Sastera Negeri Kelantan (2003). Antara novel tulisan S. Othman Kelantan yang popular ialah 'Orang Kota Bharu'. S. Othman Kelantan menggunakan novel ini untuk menggambarkan tentang tanah kelahiran beliau iaitu, Kota Bharu yang terdiri daripada pelbagai golongan seperti para peniaga beras, peraih ikan, perempuan joget, pemain wayang, ahli politik dan para ulamak. Makalah ini akan membincangkan novel 'Orang Kota Bharu' dan melihat novel ini dengan sorotan humanisme liberal.

Kerangka Teori Humanisme Liberal

Novel 'Orang Kota Bharu', karya S. Othman Kelantan dibincangkan untuk menunjukkan bahawa wacana humanisme liberal tidak asing lagi, malahan telah menjadi perhatian dalam kalangan orang Melayu sejak dahulu lagi. Seperti yang disebut lebih awal, makalah ini menggunakan prinsip "humanisme liberal," yakni merupakan salah satu fahaman dalam falsafah Barat, yang memberikan 'kebebasan manusia pada tempat' dengan menekankan makna melalui teks sastera. A. Teew, yang menyatakan bahawa setiap karya sastera berfungsi dan perlu dilihat dari segi maknanya seperti di bawah;

"Dalam teks sastera ungkapan itu sendiri penting, diberi makna, diberi semantik segala aspeknya; barang buangan dalam pemakaian bahasa sehari-hari, "sampah bahasa" (bunyi, irama, urutan kata dan lain-lain) yang dalam percakapan begitu dipakai begitu terbuang (asalkan komunikasi telah berhasil), dalam karya sastera tetap berfungsi, bermakna, malahan semuanya dimaknakan dan dipertahankan maknanya." (A. Teew, 1992: 4)

Petikan di atas, menjelaskan bahawa dengan bahasa, segala bentuk pesanan atau mesej pengarang yang membawa suara "humanisme liberal" disampaikan kepada pembaca dengan baik dan lebih signifikan. Dengan erti kata lain, teks yang menampilkan bahasa kejelikan dapat menjadi teks yang signifikan dengan menghadirkan wacana "humanisme liberal" di dalamnya. Antara perintis teori "humanisme liberal", ialah I.A Richard (1995), dengan menolak gagasan humanisme terdahulu yang bangkit pada zaman Renaissance. Menurut Richard, "*Renaissance period as a distinct historical moment, with its characteristic outlook, social formations, and so on, students could learn the techniques of practical criticism and simply analyse the words on page*"

(Peter Barry, 1995: 15)

Pernyataan ini menjelaskan bahawa, kesusasteraan dalam konteks "humanisme liberal" tidak seharusnya cuba dipisahkan dengan sejarah dan konteks. Ini berbeza dengan cara kerja humanisme Renaissance yang meletakkan teks sebagai "perkataan pada muka surat" semata-mata atau teks bersifat kosong. Menurut Richard, perhubungan antara sejarah dan sastera serta konteksnya sebagai satu gagasan perlu kuat supaya sastera tidak lagi menawarkan kandungan teks yang kabur, berbunga, muhasabah dan metafora, sebaliknya sejarah pembentukan sosial yang melatari penghasilan karya itu menyediakan pengetahuan sedia ada kepada khalayak untuk memahami kandungan teks dengan lebih mendalam dan lebih bermakna (Peter Barry, 1995: 1-38). Premis ini turut diperakui oleh A. Teew, yang menyatakan bahawa genre sastera sememangnya tidak hadir dalam keadaan kekosongan sejarah dan sosialnya (1983: 5). Malahan sesebuah puisi dan karya sastera lainnya telah diterima umum sebagai mencerminkan keadaan masyarakat dan kehidupan sosial pada zaman pengarangnya (Abrams, 1981; 178). Penulis hari ini tidak sahaja harus mendalami pengetahuannya terhadap bidang pilihan sastera yang dipilihnya, tetapi yang terlebih penting ialah mendalami pengertiannya dengan lebih intensif lagi terhadap kehidupan, kemanusiaan dan keadaan dalam sekitarnya, agar ia dapat mewakili serta mengucapakan dengan jelas di dalam ciptaan-ciptaan sasteranya itu yang akan membawa manfaat bukan sahaja untuk zaman-zaman yang akan datang (Masuri S.N, 1978: 50). Oleh itu seniman sebagai anggota masyarakat tidak terlepas daripada menerima keadaan dan kekuatan-kekuatan tersebut dalam menyampaikan mesej menerusi karya.

Selanjutnya, Abu Bakar Hamid, pula menyatakan, sastera sangat terkesan oleh perubahan sosial. Justeru beliau memberikan refleksi di bawah; "...tanggapan dan sikap terhadap kesusasteraan dari zaman ke zaman sebagai sebahagian dari arus perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Perubahan tanggapan dan sikap ini perlu diperhatikan kerana dari perubahan-perubahan inilah dapat kita camkan arah perkembangan kesusasteraan kita."

(Abu Bakar Hamid, 1974: 58)

Demikianlah premis di atas misalnya menyatakan bahawa, karya sastera sebelum Perang Dunia Kedua mengalami perubahan pada zaman selepas penjajahan. Perubahan tersebut adalah kesan daripada perubahan sosial dan persekitaran kehidupan yang mempengaruhi kreativiti dan sensitiviti memancarkan nilai-nilai kemanusiaan semasa melalui karya yang dihasilkan. Kesan ini bersesuaian dengan hakikat bahawa salah satu aspek yang mempengaruhi pengarang sewaktu menghasilkan karya adalah lingkungannya (Rene Wellek, 1966: 95).

Perbincangan tentang "kekosongan" sesebuah teks juga mendapat perhatian William Empson di dalam bukunya berjudul "*Seven Types of Ambiguity*", mendapati peri pentingnya kaedah analisis lisan Richard terhadap kesan penyampaian mesej kepada khalayak pembaca sesebuah teks. Empson mengenalpasti tujuh jenis kekaburan dalam sastera seperti puisi jika dibaca sebagai

“*the words on the page*” semata-mata berdasarkan analisis yang telah dilakukannya ke atas buku tersebut. Bahasa sastera harus diberi makna, dan yang sudah bermakna dapat diberi makna yang luar biasa berdasarkan makna yang biasa itu (A. Teew, 1992: 20). Justeru, pengkritik Cambridge, F.R Leavis dalam ulasannya menyatakan bahawa buku “*Seven Types of Ambiguity*” sebagai “*highly disturbing book because it uses intelligence on poetry as seriously as if it were mathematics*” (Peter Barry, 1995: 1-38). Jelasnya, Leavis melihat buku “*Seven Types of Ambiguity*” menghalang penyampaian mesej pengarang kepada khalayak kerana menggunakan kecerdasan puisi adalah serius seolah-olah ia adalah matematik. Bagi Leavis, tidak semua khalayak menyukai bahan bacaan berbentuk keterlaluan atau berlebih-lebihan (1995: 5).

Berdasarkan hujahan di atas, dapatlah dikatakan bahawa, bahan bacaan yang bersifat keterlaluan menghasilkan bacaan yang bersifat kabur dan hasrat pengarang sebagai penyampai mesej kepada khalayak pembaca tidak akan tercapai. Membaca dan menilai sebuah karya sastera bukanlah sesuatu yang mudah (A. Teew, 1992: 14). Ini kerana, dalam kesusasteraan, kandungan teks perlu ada sifat kemoralan yang mengajar tentang kehidupan untuk memancarkan nilai-nilai kemanusiaan. Sifat manusia pada dasarnya tidak berubah. Nafsu yang sama, emosi yang dan bahkan keadaan dilihat sekali sepanjang sejarah manusia. Dengan erti kata lain, kesinambungan dalam kesusasteraan adalah lebih penting dan penting lagi daripada perubahan dan inovasi. Justeru, wacana “humanisme liberal” dilihat sesuai untuk mengungkap kemoralan sosial dalam novel ‘Orang Kota Bharu’ (2003) dengan lebih bermakna untuk mengajar tentang keaslian erti kehidupan.

Prinsip “humanisme liberal” digunapakai sebagai teras dalam penelitian teks kajian, supaya pembaca dapat menerobos jauh dalam warisan sendiri. Pada masa yang sama, kerangka ini disifatkan sebagai alat bagi mengembalikan persepsi jelik masyarakat terhadap karya yang memaparkan isu moral setempat seperti pelacuran, berjudi dan perempuan joget. Karya-karya sedemikian dianggap karya cabul dan tidak bermoral juga. Justeru itu, “humanisme liberal” adalah kerangka yang berasaskan fahaman dalam falsafah Barat yang menjunjung tinggi nilai-nilai kemanusiaan serta martabat manusia sebagai jalan tengah. Ini kerana karya sastera salah satu bentuk hasil akal budi dan fikiran manusia yang bermedium bahasa dan mengandungi unsur imaginasi berfungsi sebagai alat komunikasi dalam masyarakat, yakni sebagai wadah penyampaian pesanan dari pengarang kepada pembaca.

Abdul Hadi Zakaria, mengakui bahawa, novel, cerpen dan filem yang membayangkan atau condong ke arah realiti sosial masyarakat seperti kelucahan akan mendapat sambutan dan mempunyai peminat yang ramai (1980: 11). Sayugia dapatlah dikatakan, sebagai sebuah karya kreatif bersifat ‘cabul’, penampilan “pekerja seks” yang dikatakan pencetus kepada kegiatan pelacuran, perjudian, sabung ayam, perempuan joget dan ‘samseng’ yang ditemui dalam karya terpilih kajian dapat membuka mata hati dan fikiran pembaca untuk mengubah persepsi stigma negatif masyarakat yang meletakkan karya kajian

dalam kelompok karya “kosong”. Dengan erti kata lain, gambaran realiti sosial di dalam teks kajian adalah satu jaminan ke arah pembinaan dinamik sosial yang diberikan dalam “humanisme liberal”. Menurut A. Samad Said, “Setiap karya atau setiap ciptaan sebenarnya ialah jawapan seorang seniman terhadap peristiwa yang ditempuhinya,” (1993: 16). Dengan menampilkan realiti sosial masyarakat Kota Bharu yang pelbagai ragam permasalahan sosial sebagai rakaman kembali isu dahulu dalam konteks masa kini, sekaligus menolak gagasan yang mengatakan bahawa karya-karya sedemikian adalah karya yang tidak berkualiti dan kekosongan.

Metodologi

Metode yang digunakan dalam penelitian ini adalah metode analisis deskriptif, yang disifatkan oleh Setyosari sebagai satu penelitian yang bertujuan untuk menjelaskan atau mendeskripsikan suatu keadaan atau peristiwa, objek baik berupa orang atau segala sesuatu yang terkait dengan pembolehubah-pembolehubah yang dapat dijelaskan baik dengan angka-angka mahupun kata-kata (2010: 100). Metode ini merupakan metode yang berusaha memahami suatu gagasan dalam karya sastera untuk menemukan, mengembangkan, dan menguji kebenaran suatu pengetahuan. Metode ini sangat diperlukan untuk mengupas objek yang sedang diteliti. Adapun proses kerja diawali dengan metode penguraian sastera atas unsur-unsurnya dengan tujuan memahami penelitian antara unsur-unsur tersebut dalam mendukung suatu karya sastera. Jenis penelitian ini adalah penelitian kepustakaan yang mendeskripsikan realiti sosial yang berlaku di Kelantan seperti yang ditampilkan dalam novel ‘Orang Kota Bharu’, karya S. Othman Kelantan. Data yang digunakan diperoleh melalui kajian pustaka, iaitu menjaring data tertulis melalui novel ‘Orang Kota Bharu’. Menurut Semi (1993), penelitian kualitatif dilakukan dengan tidak mengutamakan angka-angka, tetapi menggunakan kedalaman penghayatan terhadap interaksi antara konsep yang sedang dikaji secara empiris. Ciri penting penelitian kualitatif dalam kajian sastera deskriptif terhurai dalam bentuk kata-kata atau gambar jika diperlukan, bukan bentuk angka; lebih mengutamakan proses dibandingkan hasil kerana karya sastera merupakan fenomena yang banyak mengandungi penafsiran; analisis secara induktif; dan makna (Endraswara, 2015: 15).

Dalam metode ini juga, dapat diteliti masalah normatif bersama-sama dengan masalah status dan sekaligus membuat perbandingan antara fenomena yang ditampilkan yang berlaku dalam cerpen kajian dari dahulu dengan fenomena semasa. Populasi dalam penelitian ini adalah penampilan watak-watak wanita sebagai pekerja seks atau pelacur yang terdapat dalam novel ‘Orang Kota Bharu’ (2003), karya A. Samad Said.

Perbahasan Realiti Sosial Masyarakat Kota Bharu

Sebuah hasil kesusasteraan adalah rakaman budaya masyarakat yang melingkari sistem sosial kisah yang

dibentangkan. Novel 'Orang Kota Bharu' oleh S. Othman Kelantan merupakan satu sumber sejarah, politik, ekonomi, budaya dan bahasa masyarakat Melayu di Kelantan. Pengarang berkaliber ini telah membawa tema sejarah masyarakat Kelantan secara umum dan masyarakat Kota Bharu secara khusus.

Watak-watak yang diketengahkan oleh S. Othman Kelantan mewakili pelbagai lapisan masyarakat yang terdiri daripada peniaga di pasar, nelayan, pemandu teksi, pekedai, ahli agama, cikgu, ahli politik, ketua samseng, pelacur dan sebagainya. Dalam novel ini juga S. Othman Kelantan secara adil memaparkan kehidupan masyarakat Kota Bharu tanpa berpihak kepada mana-mana pihak. Beliau memberi peluang kepada pembaca untuk membuat interpretasi sendiri melalui setiap peristiwa atau realiti sosial yang dijelmakan seperti yang dipaparkan dalam perbahasan makalah ini. Antara realiti sosial yang ditemui dalam teks kajian ini adalah;

Hiburan Rakyat Jelata

Dalam novel 'Orang Kota Bharu', S. Othman Kelantan telah menunjukkan pelbagai hiburan yang melingkari kehidupan orang Kota Bharu. Hari Keputeraan Sultan Kelantan menjadi hari yang amat menggembarakan masyarakat Kelantan. Hal ini kerana hari keputeraan Sultan Kelantan disambut dengan pelbagai aktiviti seperti wayang kulit dan pesta air. Tok dalang yang bernama Pak Nik Man mempersembahkan cerita Raden Inu Kartapati dengan Putri Duha dan Galuh Ajeng. Wayang Melayu (Pesta Panjang Umur) diadakan untuk menghiburkan raya jelata.

Selain itu aktiviti seni tarian, seperti Makyung, Menora, Wayang Kulit, Dikir Barat, Dikir Lelaba, Tari Inai, Rebana Kercing, Rebana Besar. Rebana Ubi, Perlawanan Kertuk, gasing pangkah, gasing uri dan wau, silat pulut, silat pahlawan dan silat bunga telah dirakamkan oleh S. Othman Kelantan dalam novel ini. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat Kelantan kaya dengan seni budaya yang asli dan pelbagai. S. Othman Kelantan bukan secara mendatar memberikan informasi tentang seni dan hiburan di Kelantan, tetapi dengan gaya naratifnya beliau memasukkan dua pelajar pasca siswazah dari Barat bernama Katherine dan Florina untuk mengumpulkan datang tentang kesenian di Kelantan. Dua orang pelajar ini begitu kagum dan terpesona dengan kekayaan kesenian Kelantan. Perbezaan antara wau dan layang-layang merupakan salah satu contoh yang terdapat dalam novel ini;

"Mereka berdua memeriksa dan memotret seberapa banyak maklumat mengenai wau. Mereka mulai faham antara makna wau dengan layang-layang. Daud memberitahu mereka, wau itu berhubung dengan peristiwa dan ada unsur kejiwaan. Sedangkan layang-layang hanya untuk hiburan semata-mata".

(S. Othman Kelantan, 2005: 237)

Hiburan rakyat jelata ini masih berlangsung dalam kalangan masyarakat Kelantan kontemporari. Namun hiburan pada masa kini lebih ke arah persembahan seni dan budaya dan bukannya semata-mata hiburan deria

sahaja. Contohnya Tarian Menora dan Makyung telah dipersembahkan dengan membuang unsur-unsur yang bercanggah dengan agama Islam. Wayang kulit masih diteruskan sehingga dipersembahkan di peringkat antarabangsa. Ramai sarjana dari luar negara datang ke Kelantan untuk mempelajari seni persembahan ini yang masih tidak hilang keasliannya seperti Dikir Barat, Dikir Lelaba Tari Inai, Rebana Kercing, Rebana Besar. Rebana Ubi, Perlawanan Kertuk, gasing pangkah, gasing uri dan wau, silat pulut, silat pahlawan dan silat bunga.

Asimilasi Kaum

Kelantan merupakan sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai 92% orang Melayu Islam. Walaupun majoriti masyarakat berbangsa Melayu dan beragama Islam, namun di bumi Kelantan ini masih terdapat kaum lain yang hidup dengan aman dan damai seperti kaum Cina, India dan Siam. Asimilasi kaum Cina di Kelantan, khususnya di Kota Bharu memang ketara. Mereka telah menjadi Melayu dalam semua perwatakan kecuali wajah Cinanya. Mereka bercakap dialek Kelantan dengan fasih. Hidup seperti orang Melayu, apalagi kalau di kampung (S. Othman Kelantan, 2005:373). Kisah novel ini yang berlangsung dari era pra dan pasca merdeka sehingga pembentukan Malaysia telah merakamkan pelbagai peristiwa yang membawa isu ketegangan perkauman. Namun masyarakat Melayu dan Cina di Kelantan tetap bersatu dalam membentuk negeri Kelantan sebagai satu contoh negeri yang menunjukkan perpaduan kaum yang utuh dan harmoni. Berlaku pelbagai insiden seperti 13 Mei, darurat, perpisahan Singapura dari Malaysia, pergaduhan dan pembunuhan di kedai kopi, namun segala ketegangan ini diatasi dengan sikap toleransi dan saling faham memahami antara kaum di Kota Bharu.

Dalam situasi semasa, negeri Kelantan masih mengekalkan keunikan asimilasi kaumnya. Contohnya komuniti Cina di Kelantan dikenali sebagai Sino-Kelantan yang fasih bercakap dialek Kelantan dan mengamalkan pelbagai budaya Kelantan dari segi pakaian, makanan dan reka bentuk rumah yang memaparkan keunikan asimilasi antara orang Melayu dan Cina.

Permainan Dam Aji

Permainan Aji sangat popular dalam kalangan masyarakat Kelantan. Sehingga ke hari ini permainan ini masih dianggap sebagai satu permainan tradisional masyarakat Kelantan. Pada tahun 2018, di Kelantan telah diadakan pertandingan Haji Antarabangsa oleh Yayasan Generasi Malaysia (YGM) dengan kerjasama Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang berjaya mencatatkan Rekod Penyertaan Terbesar Pertandingan Dam Aji dalam *Malaysia Book of Records* (MBOR) dengan 2,626 penyertaan. Hal ini menunjukkan bahawa permainan dam aji yang sebatian dengan masyarakat Kelantan telah dinaiktarafkan ke peringkat antarabangsa. Dalam novel ini permainan aji ini digambarkan sebagai sangat muhibah sehinggakan pemain dam aji Melayu ini boleh minum dan makan di kedai kopi Cina tanpa sebarang rasa was-was (S. Othman Kelantan, 2005: 64), 'Walaupun kedai kopi Cina

tetapi semua makanan dimasak oleh orang Melayu.’ Dalam novel ini permainan dam aji oleh Mat Din dan Senik mempunyai penyokong masing-masing. Permainan ini berlangsung dengan sorak-sorai penyokong Mat Din dan Senik. Namun realiti yang digambarkan oleh S. Othman Kelantan ialah sifat malas kaum lelaki yang membuang masa dengan permainan ini tanpa memikirkan kerja sampingan yang boleh membantu untuk meningkatkan taraf kehidupan mereka. Masa siang dan terluang dihabiskan dengan permainan dam aji di kaki lima kedai kopi tanpa memikirkan masa depan yang lebih cerah.

Peranan Wanita Sebagai Usahawan

Pengarang lelaki selalunya diasosiasikan dengan tuduhan bahawa dalam karya pengarang lelaki watak wanita diabaikan. Namun dalam novel ini S. Othman Kelantan telah mempersembahkan watak wanita yang berjaya dan sentiasa berusaha untuk maju dalam kehidupan. Pasar besar Kota Bharu dikatakan didominasi oleh peniaga wanita yang muda dan cantik. Penampilan diri bukan sesuatu yang difokuskan oleh pengarang tetapi fokus utamanya adalah tentang kehebatan kaum wanita yang mengendalikan urusan perniagaan dan keluarga sekaligus. Satu lagi contoh yang menampilkan keterampilan watak wanita sebagai pengusaha yang berjaya ialah watak Hajah Halimah yang berjaya meluaskan perniagaan songket dan batik bukan sahaja di Kota Bharu tetapi di seluruh Malaysia. Selain itu perniagaan beliau juga menjalin hubungan baik dengan negara jiran iaitu Indonesia. Dalam keadaan semasa tidak mustahil kaum wanita menceburi bidang perniagaan, tetapi apa yang menarik iaitu situasi yang berlangsung dalam novel ini adalah dalam lingkungan tahun 50-an dan 60-an. Watak Hawa Binti Salleh dan Siti Mahani isteri kepada Sani Pengkar dari seorang suri rumah dan gadis kampung telah meluaskan perniagaan emas mereka. Walaupun pada peringkat awal Siti Mahani menjalankan perniagaan emas ini secara kecil-kecilan, namun ketekunan dan kesabarannya telah membawa kejayaan kepada Siti Mahani. Dia berjaya membuka kedai emas dan kedai seni ukir tembaga yang terkenal. Kedainya menjadi tarikan pengunjung terutamanya ketika cuti sekolah. Kejayaan kaum wanita ini telah menunjukkan realiti sosial kedudukan wanita di negeri Kelantan. Wanita di Kelantan digambarkan oleh S. Othman Kelantan sebagai golongan yang berjaya ‘menakluk’ sektor perniagaan dan menjadi pengusaha yang berjaya. Paradigma tentang wanita Kelantan yang berlegar dalam kalangan masyarakat di luar negeri Kelantan bahawa wanita di Kelantan didominasi dan bergantung hidup dengan suami telah dihilangkan dalam novel ‘Orang Kota Bharu’. Peranan wanita sebagai usahawan seperti mana yang digambarkan oleh S. Othman Kelantan masih berlangsung di Kelantan sehingga ke hari ini. Pasar Besar Siti Khadijah menjadi bukti kepada masyarakat Malaysia bahawa wanita mampu menjadi penyumbang terbesar dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara.

Aktiviti Berjudi

Kelantan dikatakan sebagai serambi Mekah dan selalunya diasosiasikan dengan nilai-nilai agama Islam dan nilai-nilai ketimuran yang tinggi. Namun kita kena akui bahawa Islam adalah agama yang sempurna tetapi manusia tidak sempurna. Begitulah realiti di dalam kisah ini. S. Othman Kelantan memaparkan aktiviti berjudi atau menyabung ayam dalam kalangan masyarakat Kota Bharu tidak mengenal tempat dan masa. Pada mereka aktiviti ini tidak dianggap sebagai haram atau menyalahi agama dan undang-undang. Dari perspektif masyarakat Kota Bharu ini adalah satu aktiviti hiburan dan bersaja tanpa melibatkan agama dan budaya. Contohnya dalam novel ini Jusuh Puling dan Pak Seman berjudi menyabung ayam dalam pasar tanpa apa-apa perancangan awal. Niat untuk berjudi menyabung ayam datang dengan tiba-tiba dan mereka pun menjadikan menyabung ayam sebagai satu permainan yang menghiburkan namun tetap menggunakan wang judi (S. Othman Kelantan, 2005: 62);

“berjudi, ya!”

“Ambo main-main, tok, “Pak Seman tergagap-gagap.

“Kebetulan ayam terlepas,” sampuk Jusuh Puling dengan suara perlahan kerana amat terperanjat.

“Dalam sibuk berniaga ini pun kamu sempat berjudi. Mari ke balai.”

“Maaf, encik. Kami tidak berjudi. Main-main saja. Ayam terlepas.” Pak Seman cuba membela dirinya.

“Tu duit apa?” lelaki separuh umur itu mengambil wang dalam tangan Jusuh Puling, yang sedang menghulurkannya kepada Pak Seman.

Melalui petikan di atas didapati bahawa undang-undang di negeri Kelantan juga sangat ketat dalam mengawal aktiviti perjudian sehinggakan pegawai polis boleh membuat pemeriksaan di pasar basah. Hal ini menunjukkan bahawa perjudian dan menyabung ayam ini sudah menjadi sebatian dan lebih dianggap sebagai satu permainan dan bukannya sebagai satu larangan dalam agama dan undang-undang. Inilah realiti sosial yang melingkari masyarakat Kota Bharu dalam novel ini. Aktiviti perjudian seperti mana yang digambarkan oleh pengarang dalam novel ini telah mengalami perubahan besar dalam kalangan masyarakat Kelantan kini. Sebarang jenis aktiviti ke arah perjudian telah diharamkan di negeri Kelantan.

Pelacuran

Aktiviti pelacuran menjadi satu aktiviti yang melanggar norma-norma agama, budaya dan undang-undang sesebuah bangsa. Tidak ada mana-mana agama yang menghalalkan aktiviti ini, namun aktiviti pelacuran masih berlangsung sehingga ke saat ini. Dalam novel ‘Orang Kota Bharu’, S. Othman Kelantan memaparkan aktiviti pelacuran berlangsung di bandar Kota Bharu tanpa sebarang sekatan dan kawalan undang-undang dan agama. *Show* atau disebut sebagai *so* dalam novel ini menjadi aktiviti harian di Biaritz Park. Watak-watak seperti Norma Buloh Perindu, Siti Ainun Kacip Mas, Habibah Tahli Lalat, Cik Yam Batil, Cik Putih Sulur dan Salbiah Kuning Manja menjadi pekerja di *so* sebagai penyanyi, penari dan memberi perkhidmatan seks kepada pelanggan *so* dan juga

kepada samseng-samseng yang mengawal Biaritz Park. Biaritz Park menjadi sarang segala maksiat di Kota Bharu; “Kecuali masuk untuk mencari teman berseronok”

“dan, antaranya ada bilik istimewa untuk lekai melepaskan rindunya kepada para penari yang juga memberi khidmat seks. Atau kepada pelayan kedai, berbelas-belas kedai, dan berpuluh-puluh pelayan, yang memberi khidmat seks sebagai menambahkan pendapatan. Bahagian khidmat seks ini sudah bertambah gah. Ada pilihan dari Thailand. Dari Terengganu. Dari Kuala Lumpur. Dari Ipoh. Dari Singapura. Semuanya terkumpul di rumah panjang. Ada pengawalnya dan ada taukenya”. (S. Othman Kelantan, 2005: 153-154)

Petikan di atas jelas memperlihatkan Biaritz Park di Kota Bharu telah menjadi sarang pelacuran aktif berfungsi sebagai kelab malam yang menawarkan kaum wanita sebagai penyanyi, penari dan pelacur. Dalam Biaritz Park bukan sahaja pusat maksiat yang bebas tetapi juga menjadi sarang samseng yang menyebabkan berlakunya pergaduhan dan minum arak tanpa sebarang kawalan dan sekatan dari pihak polis. Pesta malam yang berunsurkan maksiat ini telah memberi julukan *Paris Malaya* untuk Kota Bharu. Julukan *Paris Malaya* diberikan kerana hiburan dan perkhidmatan seksnya yang meluas dan tanpa kawalan pihak berwajib. Maksiat dalam bentuk pelacuran juga berleluasa di Lorong Cik Kadir, Lorong Belakang Kota, Lorong Toa dan banyak lagi. Keadaan ini telah melahirkan rasa kebimbangan ibu bapa terhadap anak-anak remaja mereka, para isteri juga bimbang terhadap kehilangan suami mereka.

Namun pembentukan Malaysia dan kemenangan PAS telah membawa kehancuran kepada aktiviti maksiat di Kelantan. Biaritz Park telah diarahkan untuk ditutup sehingga tapak Biaritz Park dikenali sebagai perhentian bas swasta. Pemerintahan PAS di Kelantan juga telah mengetatkan undang-undang Islam sehingga tidak wujud sarang pelacuran di Kelantan. Keadaan ini menyebabkan para pekerja Biaritz Park hilang punca pendapatan. Walaupun mereka tahu pekerjaan yang dilakukan oleh mereka dalam haram tetapi mereka tidak mempunyai pilihan lain dengan menjadi mangsa keadaan dan terjebak dalam kancas pelacuran. Watak-watak seperti Norma Buloh Perindu, Siti Ainun Kacip Mas, Habibah Tahi Lalat, Cik Yam Batil, Cik Putih Sulur dan Salbiah Kuning Manja hilang punca pendapatan dan memikirkan masa depan mereka yang agak buntu. Tidak seorangpun dari watak-watak ini yang mahu menjadi pelacur dan berasa gembira dengan kehidupan sebagai pelacur. Masing-masing mendukung kisah silam yang pahit sebelum terjerumus dalam pekerjaan haram ini. Mereka mempunyai keluarga yang perlu disara dan dihantar duit perbelanjaan. Penutupan Biaritz Park bukan sahaja menguburkan aktiviti pelacuran di Kelantan tetapi juga menutup sumber pendapatan pekerja-pekerja Biaritz Park.

Bahagian novel ini tentang pelacuran ini sedikit pun tidak dapat dikesan dalam situasi kontemporari ini Kelantan. Sebagai sebuah negeri yang mengamalkan lunar-lunar agama Islam yang benar, maka segala jenis aktiviti yang haram telah dihapuskan dari bumi Kelantan. Realiti sosial yang digambarkan oleh S. Othman Kelantan dalam novel ‘Orang Kota Bharu’ tidak ada ketika ini,

namun novel ini membentangkan realiti sosial bahasa aktiviti pelacuran berlaku dengan bebas di Kelantan suatu ketika dahulu.

Budaya Samseng

Novel ‘Orang Kota Bharu’ ini sarat dengan kisah bagaimana kaum lelaki muda di Kota Bharu terlibat dalam budaya samseng. Pengarang bukan sahaja memaparkan insiden pergaduhan tetapi dengan lebih jelas membawa latar belakang setiap lelaki yang terlibat dalam budaya samseng, mencuri, membunuh, berzina, minum arak, main terup dan sebagainya. S. Othman Kelantan telah melakarkan kisah-kisah kaum lelaki muda di Kelantan yang masih mentah dan kurang arif tentang ilmu agama terlibat dalam aktiviti-aktiviti negatif yang sama sekali menjadi haram dalam agama Islam. Kisah Pak Ya atau Haji Ya yang merupakan seorang bekas samseng, ketua lanun di Laut ASEAN dan membunuh manusia dan bayi tanpa belas kasihan menunjukkan betapa kejam seorang manusia jika tidak mempunyai nilai-nilai kemanusiaan dan nilai-nilai agama dalam dirinya. Pergaduhan yang melibatkan senjata dan pembunuhan berlaku tanpa kawalan. Watak-watak seperti Akub, Jali, Musa, Ali Mat Sin Golok, Jusuh Sabak atau dikenali sebagai Jusuh Kelab sering terlibat dalam aktiviti pergaduhan dan samseng tanpa sebarang kawalan dari pihak polis, ‘polis pun kadang-kadang dua kali lima juga. Tidak sungguh-sungguh mencari orang yang berkelahi sebab banyak masalah’ (Othman Kelantan, 2005:30). Realiti yang dihadapi oleh masyarakat di Kota Bharu ketika itu adalah dengan melihat pergaduhan dan perkelahian antara kumpulan samseng-samseng ini saban hari. Seluruh Kota Bharu dikuasai Mat Sin Golok. Kawan-kawannya ganas dan ditakuti dan tidak pernah dihalang oleh pihak berkuasa. Mereka menguasai Kota Bahru, makan, minum dan tidur percuma di mana-mana kedai makan dan hotel. Selain itu mereka juga mencuri basikal, motosikal, kereta dan memasarkan tiket panggung wayang. Generasi muda kini mungkin tidak sedar akan kewujudan panggung wayang di Kota Bharu dan betapa kewujudan panggung wayang ini telah membinasakan kehidupan kaum lelaki muda di Kota Bharu. Bagi generasi baru yang membaca novel ini mungkin menjadi satu kejutan melihat realiti sosial yang berlangsung di Kelantan di zaman pra dan pasca merdeka sehingga pembentukan Malaysia dan kerajaan yang stabil dalam pertengahan tahun 70-an. Menjual tiket secara haram dan menjadikan panggung wayang sebagai lokasi maksiat telah berleluasa di Kota Bahru.

Namun kesemua watak jahat ini diberi peluang oleh pengarang untuk kembali ke jalan yang baik. Hal ini merupakan satu kekuatan dalam karya sastera di mana pengarang mempunyai kuasa untuk menentukan jalan cerita dan pembentukan sesuatu watak. Watak Pak Ya yang terkenal sebagai ketua lanun yang tidak berperikemanusiaan akhirnya kembali ke jalan Allah dengan menghambakan dirinya di Pondok Bunut Payong. Pak Ya yang dikenali sebagai Haji Ya menyesal dengan usia mudanya dihabiskan dengan aktiviti yang dilarang dalam Islam. Dia insaf dan kembali kepada jalan Allah

ketika dia cuba merompak sebuah kapal layar dan dia mendengar suara takbir “Allahu Akbar.” Dan sejak itu, Pak Ya mula mendekati diri dengan agama Islam, ‘Manusia sekeras besi waja zaman mudanya boleh menjadi cair dalam zaman tuanya. ‘Itulah keinsafan. Itulah jalan kembali yang baik.’ (S. Othman Kelantan, 2005: 27). Watak-watak samseng dan kaki gaduh yang digambarkan sebagai manusia yang hilang akhlak moral dan agama telah dikatakan menjadi manusia baik dan membaiki kesilapan lampau. Di pengakhiran novel ini Musa dikatakan bekerja di lapangan terbang Pengkalan Chepa dengan menanti kelahiran anak sulungnya, Jali Sabak menjadi penoreh getah di Pahi, Ulu Kelantan dan dalam satu peristiwa yang menunjukkan keberaniannya dia telah dianggap wira dan penyelamat pekerja ladang getah. Hal ini menunjukkan bahasa keberanian dan kehebatan bertarung perlu bertempat. Dari menjadi harimau ganas, sekarang harimau menjadi pengawal kampung, perubahan Jali amat sempurna dan baik. Ali telah kembali ke Kelantan dan mempunyai empat orang anak, Rahim Mat Setapa pun menjadi orang baik dengan menyertai rancangan pembukaan tanah di Terengganu. Mat Sin Golok pula masuk politik dan menjadi calon pilihan raya dan lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Inilah realiti sosial masyarakat Kota Bharu. Dalam tempoh 10 tahun seorang samseng telah menjadi penoreh getah, seorang ketua geng telah berubah menjadi ahli politik sehingga boleh bertanding dalam pilihan raya. Lumrah manusia tidak akan jahat selam-lamanya, jika diberi peluang mereka juga boleh menjadi manusia baik dan berguna untuk bangsa dan agama.

Kesimpulan

Novel ‘Orang Kota Bharu’ merupakan satu rakaman budaya, politik, sosial dan agama masyarakat Kota Bharu di Kelantan oleh S. Othman Kelantan. Negeri Kelantan dan bandar Kota Bharu sekarang jauh berbeza dengan gambaran yang dirakamkan oleh pengarang. Keadaan ini disebabkan oleh pelbagai perubahan bermula dari perubahan politik, sosial, sistem pendidikan, pembangunan infrastruktur dan juga kepekaan manusia terhadap nilai-nilai agama dan moral. Bagi generasi muda yang baru melangkah ke bumi Kelantan kini mungkin novel ini menjadi satu sumber untuk mengenali sejarah dan latar belakang masyarakat Kelantan. Namun mengikut teori humanisme liberal, teks mempunyai maknanya tersendiri yang bukannya diberi di luar konteks teks yang dibaca atau dikaji. Demikianlah yang dipaparkan oleh S. Othman Kelantan, walaupun latar tempat, masa peristiwa politik, sosial, agama dan budaya hampir sama dengan realiti diluar teks, namun teks sastera mempunyai kebebasan imaginasi untuk meyakinkan pembaca. Maka dengan itu, novel ‘Orang Kota Bharu’ merupakan satu sumber sastera yang penuh dengan elemen-elemen sastera yang diadun baik dengan teknik naratif pengarangnya.

Walaupun perubahan zaman memancarkan pelbagai realiti sosial yang digambarkan oleh S. Othman Kelantan sukar digali oleh generasi muda, namun karya S. Othman Kelantan ini masih boleh dijadikan sumber rujukan yang baik dalam mengenali latar belakang

masyarakat Kelantan di suatu masa dahulu. Keadaan masyarakat Kelantan berubah mengikut pemahaman agama, perkembangan teknologi dan sains serta perubahan politik yang membawa kepada perubahan dari segi sosial dan ekonomi masyarakat Kelantan. Karya kreatif sememangnya boleh dijadikan sebagai sumber yang menjadi panduan kepada generasi muda untuk mengenali keadaan masyarakat yang menghuni bumi ini sebelum kelahiran mereka.

Rujukan

- Abdul Hadi Zakaria, 1980. *Pelacur Dan Pelacuran Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Abrams, M.H, 1981. *The Mirror and The Lamp*. London-New York: Oxford University Press.
- Abu Bakar Hamid, 1974. “Arah Perkembangan Kesusasteraan Melayu” kertas kerja dalam *Seminar Endraswara*, Suwardi. 2011. *Metodologi Penelitian Sastra; Epistemologi, Model, Teori, dan Aplikasi*. Yogyakarta: Caps.
- Kesusasteraan Nusantara*, 1973. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Masuri S.N, 1978. ‘Pengakuan Dan Pengalahiran Seorang Penulis’. *Dewan Sastera*. Februari. Halaman 50.
- Peter Barry, 1995. *Beginning Theory: An Introduction to Literary and Cultural Theory*. New York: Manchester University Press.
- Rene Welle, Rene & Warren, Austin, 1966. *Theory of Literature*. London: Penguins Books.
- Semi, M. Atar. 1983. *Metode Penelitian Sastera*. Bandung: Angkasa
- Setyosari, Punaji. 2010. *Metode Penelitian Pendidikan dan Pengembangan*. Jakarta: Kencana
- S. Othman Kelantan, 2003. *Orang Kota Bharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Teeuw. A, 1992. *Membaca Dan Menilai Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Teeuw. A, 1983. *Membaca Dan Menilai Sastera*. Jakarta. Penerbitan PT Gamedia